

E-MEL PEMBACA

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my

→ **INTERAKTIF**

[FOTO INTERNET]

Elak jadi tukang ajuk, sindir di media sosial

Media sosial mempunyai pengaruh yang amat besar kepada masyarakat. Banyak pandangan, keputusan atau tindakan dibuat berdasarkan interaksi pengguna dengan pengguna lain menerusi laman sosial atau berdasarkan bahan atas talian meliputi pelbagai aspek kehidupan seharian kita.

Di Malaysia, terdapat lebih 18 juta pengguna Facebook manakala pengguna Instagram pula adalah kira-kira 6.5 juta. Suatu fenomena yang semakin menular disebabkan oleh ketembusan internet terutama penggunaan media sosial adalah apa yang dikenali sebagai 'troll'.

Troll ialah mengajuk atau mempersenda pihak tertentu di media sosial, dalam bentuk gambar diubah suai atau komen berbentuk sindiran.

Antara bentuk troll paling popular ialah pengubahsuaian atau penggabungan imej mangsa troll dengan latar lain seperti dari filem atau sesuatu situasi yang diketahui umum menggunakan perisian komputer dengan bertujuan menjadikannya bahan jenaka yang ber-

potensi untuk ditularkan.

Troll menggunakan gambar juga boleh berbentuk penciptaan sesuatu situasi dengan tujuan guraan kasar atau sindiran yang mengajuk bahan asal, ini turut dikenali sebagai parodi.

Walaupun pada dasarnya troll bertujuan memberi pengajaran kepada pihak yang membuat kesilapan atau dengan tujuan provokasi tertentu, bahan ini secara tidak langsung bercorak penghinaan, fitnah, cubaan mengaibkan serta menjadikan mangsa sebagai bahan lawak jenaka. Lebih teruk lagi bahan ini boleh bersifat universal dan boleh dikongsi seluruh dunia tanpa mengira budaya dan sempadan geografi.

Wanita Amerika jadi mangsa

Gambar lain pula dijadikan 'meme', merujuk kepada gambar yang biasanya diambil tanpa kebenaran dan disunting dengan perkataan bertujuan mengajuk orang lain pula.

Bagi sesetengah orang, gambar meme yang tersebar di media sosial adakalanya melucukan dan pada ketika itu mereka tidak ter-



Gambar Lizzie Velasquez sering diviralkan dan mendapat kecaman masyarakat.

fikir bagaimanakah perasaannya jika wajah mereka tersebar dan jadi bahan ketawa di seluruh alam maya.

Antara mangsa meme ini ialah Lizzie Velasquez, berasal dari Texas, Amerika Syarikat yang lahir dengan dua penyakit, Marfan dan Lipodystrophy yang menyebabkan tubuhnya terlalu kurus dan berwajah cacat.

Beliau sangat bersedih dengan komen netizen seluruh dunia yang menghina dan mentertawakan wajahnya dan menyifatkan ia sebagai suatu serangan buli siber oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Seorang pereka atau pencetus troll yang sering mengejar populariti dan kepuasan hati akibat bahan troll mereka tular sudah pasti tidak menimbang bagaimana bahan troll itu boleh mendatangkan kecederaan emosi ataupun memberi kesan buruk terhadap mang-

sa. Mereka tidak meletak diri sendiri atau keluarga di tempat mangsa buli siber ini.

Beberapa ketika dahulu saya sering melihat sekeping gambar seorang wanita warga emas yang kelihatan sedang makan di sebuah majlis kenduri dijadikan meme dengan perkataan 'korang komenlah dulu, banyak lagi kenduri makcik nak pergi' yang kerap digunakan di dalam komen pengguna laman sosial dan saya memikirkan wanita ini sudah pastinya ibu kepada seseorang.

Mengajuk tidak wajar jadi budaya

Saya terfikir kemungkinan wanita ini sendiri tidak tahu dirinya menjadi bahan jenaka di internet dan ini amat dikesali.

Perbuatan mengajuk dan memalukan orang lain adalah perkara hodoh dan tidak sepatutnya jadi budaya pengguna Malaysia.

Malah tidak ada suatu budaya atau agama membenarkan perbuatan menghina orang lain atau mempersendakan kelemahan dan ketidaksempurnaan fizikal orang lain.

Menurut riwayat Abu Daud dan At-Tirmizi, Rasulullah SAW telah bersabda: "Celakalah bagi orang yang berbicara lalu berdusta supaya (dengan maksud) membuat orang lain tertawa dengan kebohongannya."

Saya ingin gesa pengguna laman sosial melihat troll dan meme sebagai fitnah dan cubaan menghina individu. Jadilah pengguna laman sosial beretika dengan tidak menyokong laman web atau Facebook bertemakan parodi dan troll.

Siti Hajar Abd Aziz,
Pensyarah Kanan,
Fakulti Komunikasi,
& Pengajian Media, UiTM.